

# Persepsi Peserta Terhadap Program Pembelajaran Sepanjang Hayat Di Mini Rtc Di Negeri Kedah

Mashiroh Binti Abdul Ghani & Dr Abdul Rasid Bin Abdul Razzaq

*Faculty of Technical and Vocational Education, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,*

*86400 Batu Pahat, Johor, Malaysia*

[shiroh\\_ghani@yahoo.com](mailto:shiroh_ghani@yahoo.com)

---

## Abstrak

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) memainkan peranan utama dalam pembangunan modal insan negara dengan menyediakan peluang menimba pengetahuan dan kemahiran. Sehubungan itu, Mini RTC juga tidak ketinggalan menyediakan tempat untuk menjalankan program PSH. Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat persepsi dan kepuasan peserta terhadap program PSH serta keinginan untuk menyertai semula program. Kajian ini merangkumi responden seramai 75 peserta dari empat buah Mini RTC di Negeri Kedah iaitu Mini RTC Padang Gelanggang, Mini RTC Bemban, Mini RTC KEDA Nagalilit dan Mini RTC Bukit Tukang Jusoh. Perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 20 digunakan untuk menganalisis data. Data dianalisis secara deskriptif dan ujian Korelasi Spearman's rho digunakan. Kajian ini menggunakan instrumen borang soal selidik yang mana item-item yang digunakan telah memperolehi nilai kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* sebanyak 0.919. Hasil dapatan menunjukkan peserta persepsi terhadap program PSH adalah tinggi dengan purata skor min sebanyak 4.339. Selain itu, dapatan juga menunjukkan kepuasan peserta terhadap program PSH memperoleh purata skor min yang tinggi iaitu 4.247. Manakala keinginan peserta untuk menyertai semula program PSH berada pada tahap sederhana iaitu purata skor min sebanyak 4.413. Dapatan kajian juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara persepsi peserta dengan kepuasan peserta terhadap program PSH dan keinginan untuk menyertai semula program.

*Kata kunci:* Pembelajaran sepanjang hayat, Mini RTC, persepsi

---

## 1. Pengenalan

Mendepani cabaran transformasi negara, pengetahuan dan kemahiran rakyat Malaysia perlu berkembang seiring dengan Teras Keenam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) iaitu Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat. Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) memainkan peranan utama dalam pembangunan modal insan negara dengan menyediakan peluang menimba pengetahuan dan kemahiran serta menyemai nilai dan etika positif melalui pendidikan dan latihan yang tidak terlalu formal dan lebih fleksibel kepada semua lapisan masyarakat (Husin, 2013).

Secara amnya, pembelajaran sepanjang hayat ialah untuk menjadikan individu dalam sesebuah masyarakat yang telah didorongkan untuk terus belajar menerusi hayat mereka sama ada secara formal dan tak formal (OECD, 1996). Manakala menurut European Commission (2001) pula, pembelajaran sepanjang hayat telah memperkenalkan bidang objektif yang sangat luas dan mendefinisikannya sebagai "semua aktiviti pembelajaran yang diikuti adalah bertujuan untuk menambah pengetahuan, kemahiran-kemahiran dan tahap kecekapan setiap orang, atau perspektif yang ada hubungan dengan pekerjaan.

Perubahan pengetahuan ekonomi secara global, teknologi yang pantas dan maju, perubahan persekitaran tempat kerja dan persaingan yang sengit dalam sektor pekerjaan menyebabkan masyarakat luar Bandar perlu mengambil inisiatif untuk mengikuti pembelajaran sepanjang hayat.

Pembelajaran sepanjang hayat juga dianggap bermanfaat kepada individu kerana ia dapat memperbaiki kehidupan seseorang menerusi peningkatan kemahiran kerja, pembaikan sahsiah diri dan juga penambahan ilmu pengetahuan. Selain itu, pembelajaran sepanjang hayat juga dapat memastikan wujudnya kesaksamaan sosial dalam struktur masyarakat sosial. Masyarakat di luar bandar tidak dipinggirkan dalam usaha untuk memperbaiki taraf kehidupan masing-masing.

Selaras dengan Pelancaran Program Transformasi Luar Bandar (RTP), kerajaan telah melancarkan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan menaik taraf Medan Info Desa menjadi Mini RTC sebagai mekanisme untuk mengoptimumkan potensi luar bandar dan menjana pertumbuhan ekonomi luar bandar. Pusat Transformasi Luar

Bandar (RTC) merupakan pemacu dan pelengkap kepada Program Transformasi Luar Bandar (RTP) yang bertujuan untuk mempercepat peningkatan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat. Selain itu, RTC juga bertujuan untuk memastikan penduduk di kawasan luar bandar mendapat kemudahan perkhidmatan dan membantu meningkatkan tahap kualiti hidup melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif RTC. Manakala menerusi transformasi Mini RTC pula, Mini RTC menjadi platform untuk menyelaras semua program daripada pelbagai agensi/jabatan berlandaskan konsep Strategi Lautan Biru Nasional 8 (NBOS 8) di mana satu daripada lapan inisiatif tersebut adalah PSH atau latihan kemahiran kepada masyarakat luar bandar.

Pembelajaran sepanjang hayat merupakan satu wadah utama dalam menganjurkan kursus-kursus pendek di kalangan institusi latihan atau pun pusat latihan serta institusi pengajian tinggi. Ini adalah kerana pembelajaran sepanjang hayat dapat memberi peningkatan dari segi pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu bidang bagi melahirkan individu yang berkemampuan bagi sesebuah organisasi. Banyak program pembelajaran sepanjang hayat telah dijalankan di Kolej Komuniti dan institusi pengajian tinggi yang lain. Namun begitu, masih ramai lagi masyarakat tidak sedar akan kepentingan pembelajaran sepanjang hayat ini, terutamanya masyarakat luar bandar.

Oleh yang demikian, satu kajian berkenaan persepsi peserta terhadap program pembelajaran sepanjang hayat di Mini RTC perlu dijalankan untuk melihat pandangan dan penerimaan masyarakat luar bandar terhadap pembelajaran sepanjang hayat di pusat transformasi luar Bandar.

## 2. Metodologi

Kaedah kajian yang digunakan untuk mengenal pasti persepsi peserta terhadap program pembelajaran sepanjang hayat dalam meningkatkan pengetahuan adalah kaedah berbentuk kajian tinjauan. Penggunaan kaedah tinjauan dalam kajian adalah disarankan berdasarkan kemudahan untuk mendapatkan kerjasama daripada responden (Tuckman, 1978). Pengumpulan maklumat daripada populasi adalah melalui penggunaan borang soal selidik. Menurut Konting (2000), instrument borang soal selidik adalah kaedah paling mudah dan cepat untuk memperoleh maklumat penyelidikan.

### 2.1. Populasi dan sampel

Populasi kajian adalah peserta yang menghadiri program pembelajaran sepanjang hayat di Mini RTC iaitu seramai 75 orang daripada empat buah Mini RTC di Negeri Kedah. Empat buah Mini RTC tersebut adalah Mini RTC Padang Gelanggang, Mini RTC Bemban, Mini RTC KEDA Nagalilit dan Mini RTC Bukit Tukang Jusoh.

### 2.2. Instrumen kajian

Penyelidik telah menyediakan 1 set soal selidik untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam kajian ini. Soal selidik terdiri daripada 4 bahagian seperti jadual 2.1

Jadual 2.1 : Bahagian dan Keterangan Borang Soal Selidik

Bahagian	Keterangan	Jumlah item
A	Demografi peserta	6 item
B	Persepsi peserta terhadap program PSH dalam meningkatkan pengetahuan	16 item
C	Kepuasan peserta terhadap program PSH dalam meningkatkan pengetahuan	19 item
D	Keinginan untuk menyertai semula program PSH	3 item
Jumlah		44 item

Terdapat enam item dalam bahagian A (faktor demografi) iaitu jantina, umur, pekerjaan, tahap pendidikan, kekerapan mengikuti dan bidang kursus pendek yang diikuti di Mini RTC. Terdapat 16 item dalam bahagian B untuk melihat persepsi peserta terhadap program PSH dalam meningkatkan pengetahuan. Bagi bahagian C, terdapat

19 item untuk melihat kepuasan peserta terhadap program PSH dalam meningkatkan pengetahuan manakala terdapat tiga item dalam bahagian D untuk melihat keinginan untuk menyertai semula program PSH di Mini RTC di Negeri Kedah.

Responden dikehendaki menjawab semua soalan di semua bahagian tersebut. Item-item soal selidik di Bahagian B hingga D mengikut skala kaedah Likert. Kaedah Likert ini digunakan kerana ia mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan seperti di dalam Jadual 2.2

Jadual 2.2: Pemberat Skala Likert (Abdul Ghafar, 2003)

Pemberat	Skor
Sangat Setuju	5
Setuju	4
Kurang Setuju	3
Tidak Setuju	2
Sangat Tidak Setuju	1

Bagi mendapatkan kebolehpercayaan dan kesahan alat kajian iaitu instrumen kajian, ujian rintis telah dijalankan ke atas 10 orang peserta yang menghadiri program PSH di Mini RTC Melayu Panchor. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sama ada responden memahami atau tidak soalan-soalan yang dikemukakan dan melihat kesesuaian item-item yang digunakan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaannya.

Hasil daripada kajian rintis ini, penyelidik telah mendapati nilai *Alpha Cronbach* ialah 0.919 setelah diproses menggunakan SPSS versi 20.0. Menurut Abdul Ghaffar (1999), kebolehpercayaan yang tinggi mempunyai nilai Cronbach's Alpha melebihi 0.80. Ini menunjukkan soal selidik yang dibina itu mempunyai nilai kebolehpercayaan yang agak tinggi dan berupaya mengukur pembolehubah-pembolehubah dalam kajian ini dengan baik.

### 2.3. Analisis data

Maklumat yang diperolehi daripada soal selidik telah dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi dengan data diproses menggunakan perisian *Statistical Package and Social Sciences (SPSS) version 20.0 for Window*. Analisis deskriptif digunakan untuk mencapai objektif kajian pertama, kedua dan ketiga iaitu skor min. Manakala, bagi mencapai objektif keempat iaitu statistik inferensi, korelasi Spearman's rho digunakan untuk melihat hubungan. Prosedur analisis data boleh dirujuk berdasarkan Jadual 2.3.

Jadual 2.3: Prosedur Analisis

Bil	Persoalan Kajian	Kaedah	Analisis
1	Apakah persepsi peserta terhadap program pembelajaran sepanjang hayat di Mini RTC dalam meningkatkan pengetahuan?	Soal selidik (Skala Likert)	Skor min
2	Apakah kepuasan peserta terhadap program pembelajaran sepanjang hayat di Mini RTC dalam meningkatkan pengetahuan?	Soal selidik (Skala Likert)	Skor min
3	Adakah terdapat keinginan peserta untuk menyertai semula kursus pendek dalam program pembelajaran sepanjang hayat yang disediakan di Mini RTC?	Soal selidik (Skala Likert)	Skor min
4	Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara persepsi peserta terhadap kepuasan peserta program pembelajaran sepanjang hayat dan keinginan untuk menyertai semula program?	Korelasi Spearman's rho	Nilai signifikan, p dan pekali korelasi, r

### 3. Keputusan

Bahagian ini merupakan penganalisaan terhadap demografi responden iaitu melibatkan jantina peserta. Data-data menunjukkan secara terperinci jantina peserta yang terlibat sebagai responden berdasarkan Jadual 3.1.

Jadual 3.1: Taburan Responden Berdasarkan Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	3	4.0
Perempuan	72	96.0
Jumlah	75	100.0

Bahagian ini merupakan penganalisaan terhadap taburan responden mengikut kekerapan mengikuti program pembelajaran sepanjang hayat di Mini RTC di Negeri Kedah. Data-data menunjukkan secara terperinci peserta yang terlibat sebagai responden berdasarkan Jadual 3.2.

Jadual 3.2: Taburan Responden Berdasarkan Kekerapan Mengikuti Program

Kekerapan Mengikuti Program	Kekerapan	Peratus (%)
Kali pertama	18	24.0
2 hingga 5 kali	26	34.7
5 hingga 10 kali	29	38.7
Lain-lain	2	2.7
Jumlah	75	100.0

Purata skor min bagi persoalan pertama, persepsi peserta terhadap program pembelajaran sepanjang hayat dalam meningkatkan pengetahuan adalah tinggi iaitu sebanyak 4.339. Min bagi item-item persepsi terhadap program PSH adalah ditunjukkan dalam Jadual 3.3.

Jadual 3.3: Analisis Persepsi Peserta Terhadap Program Pembelajaran Sepanjang Hayat dalam Meningkatkan Pengetahuan

No item	Item	Skor Min	Tahap Persepsi
B1	Program ini mampu meningkatkan lagi pengetahuan saya.	4.60	Tinggi
B2	Program ini membantu saya memahami teori yang saya tahu.	4.35	Tinggi
B3	Contoh-contoh yang diberikan dalam program ini bersesuaian dengan topik yang diajar.	4.47	Tinggi
B4	Program ini membantu saya menjadi lebih mahir dalam pekerjaan.	4.36	Tinggi
B5	Pengetahuan yang diperolehi dalam program ini membantu meyakinkan saya untuk mendapatkan pekerjaan.	4.23	Tinggi
B6	Program ini membantu meningkatkan keyakinan saya untuk memulakan perniagaan.	4.22	Tinggi
B7	Melalui program ini, saya menjangkakan akan berjaya menjalankan perniagaan.	4.33	Tinggi
B8	Pengetahuan yang diperolehi dalam program ini menimbulkan minat untuk sambung belajar.	4.23	Tinggi
B9	Aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam program ini dapat menambahkan pengetahuan saya.	4.47	Tinggi
B10	Program ini memberikan pengetahuan yang diperlukan kepada saya.	4.35	Tinggi

B11	Program ini memberikan pengetahuan baru kepada saya.	4.49	Tinggi
B12	Pengetahuan yang diperoleh melalui program ini adalah mencukupi.	4.13	Tinggi
B13	Saya dapat mengaplikasikan pengetahuan yang diperoleh melalui program ini dalam kerjaya saya.	4.23	Tinggi
B14	Program ini membantu meningkatkan keyakinan diri saya.	4.37	Tinggi
B15	Program ini membantu saya lebih komited terhadap tugas.	4.27	Tinggi
B16	Program ini membantu saya meningkatkan motivasi kerja.	4.33	Tinggi
Purata Jumlah Keseluruhan		4.339	Tinggi

Purata skor min bagi persoalan kedua, kepuasan peserta terhadap program pembelajaran sepanjang hayat masih lagi pada tahap yang tinggi iaitu purata skor min 4.247. Min bagi item-item persepsi terhadap program PSH adalah ditunjukkan dalam Jadual 3.4.

Jadual 3.4: Analisis Kepuasan Peserta Terhadap Program Pembelajaran Sepanjang Hayat dalam Meningkatkan Pengetahuan

No Item	Item	Skor Min	Tahap Kepuasan
C17	Mempunyai pengetahuan yang cukup untuk diberi kepada peserta.	4.29	Tinggi
C18	Menguasai topik yang diajar dalam menyampaikan pengetahuan.	4.35	Tinggi
C19	Bersifat mesra dan sopan semasa menyampaikan pengetahuan.	4.47	Tinggi
C20	Bersifat adil kepada semua peserta kursus semasa menyampaikan pengetahuan.	4.45	Tinggi
C21	Amat membantu meningkatkan lagi pengetahuan saya yang kurang jelas sebelum ini.	4.44	Tinggi
C22	Berjaya menjelaskan akan kepentingan yang diperoleh daripada program ini.	4.27	Tinggi
C23	Penggunaan bahasa oleh tenaga pengajar berjaya meningkatkan pengetahuan saya.	4.43	Tinggi
C24	Sentiasa membantu memahamkan saya apabila mempunyai masalah dalam mendapatkan ilmu baru.	4.36	Tinggi
C25	Berkeupayaan memberi penjelasan/maklumat yang jelas dalam meningkatkan pengetahuan saya.	4.28	Tinggi
C26	Berkeyakinan dalam memberi penjelasan/menjawab soalan daripada peserta.	4.35	Tinggi
C27	Gaya penyampaian membuat saya rasa ingin belajar dan tidak membosankan.	4.37	Tinggi
C28	Dapat menghubungkan antara teori dan situasi sebenar untuk menambah pengetahuan.	4.28	Tinggi
C29	Peralatan kerusi dan meja adalah mencukupi untuk keperluan pembelajaran.	4.11	Tinggi
C30	Persekitaran di dalam bilik kursus menyebabkan saya mengantuk.	2.87	Sederhana
C31	Program dikendalikan di bilik yang sesuai dengan bilangan peserta.	4.18	Tinggi
C32	Kemudahan internet yang baik memudahkan saya meningkatkan pengetahuan.	4.08	Tinggi

C33	Nota ceramah yang jelas dan lengkap dapat meningkatkan pengetahuan yang saya perlukan.	4.32	Tinggi
C34	Nota yang disediakan untuk meningkatkan pengetahuan saya adalah relevan dengan tajuk.	4.36	Tinggi
C35	Bahan-bahan yang digunakan membantu meningkatkan pengetahuan saya.	4.44	Tinggi
Purata Jumlah Keseluruhan		4.247	Tinggi

Purata skor min bagi persoalan ketiga, keinginan peserta untuk menyertai semula program pembelajaran sepanjang hayat masih lagi pada tahap yang tinggi iaitu purata skor min 4.413. Min bagi item-item persepsi terhadap program PSH adalah ditunjukkan dalam Jadual 3.5.

Jadual 3.5: Analisis Keinginan Peserta Menyertai Semula Program Pembelajaran Sepanjang Hayat

No item	Item	Skor Min	Tahap Keinginan
D36	Saya berminat untuk mengikuti lagi program yang dijalankan di Mini RTC.	4.64	Tinggi
D37	Saya tidak akan menolak program yang ditawarkan jika diberi peluang.	4.51	Tinggi
D38	Saya sanggup menggantikan orang yang tidak dapat hadir di saat-saat akhir.	4.09	Tinggi
Purata Jumlah Keseluruhan		4.413	Tinggi

#### 4. Dapatan dan perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan persepsi peserta terhadap program pembelajaran sepanjang hayat adalah tinggi. Berdasarkan hasil dapatan, penyelidik melihat peserta memberi persepsi yang positif terhadap program pembelajaran sepanjang hayat di Mini RTC dalam meningkatkan pengetahuan. Ini kerana program yang dilaksanakan di Mini RTC mampu meningkatkan lagi pengetahuan sedia ada mereka malah ada juga yang memperoleh pengetahuan baru daripada program yang mereka ikuti. Ini bermakna, kaedah penyampaian yang digunakan oleh tenaga pengajar telah berjaya dan memberi kesan yang positif kepada peserta. Joseph, (2000) menyatakan bahawa kaedah penyampaian yang digunakan dalam pengajaran perlulah bersesuaian dengan cara pelajar menerima pembelajaran supaya pelajar dapat menerima segala pengajaran dengan lancar dan berkesan.

Hasil daripada dapatan kajian yang kedua menunjukkan bahawa peserta mendapat kepuasan yang tinggi terhadap program pembelajaran sepanjang hayat yang dilaksanakan di Mini RTC dalam meningkatkan pengetahuan. Ini menunjukkan bahawa peserta sangat berpuas hati dengan program pembelajaran sepanjang hayat yang dilaksanakan di Mini RTC. Peserta kursus berpuas hati dengan interaksi yang positif yang ditunjukkan oleh tenaga pengajar. Ini dibuktikan dengan jawapan responden memperoleh skor min yang tinggi berkaitan “tenaga pengajar yang bersifat mesra dan sopan semasa menyampaikan pengetahuan” kepada mereka. Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian Graham, et.al (2000) yang menunjukkan bahawa faktor seperti interaksi interpersonal dan maklumbalas positif pengajar mempunyai implikasi yang penting terhadap kepuasan dan pencapaian pelajar dalam kursus berasaskan Web. Tenaga pengajar juga sentiasa membantu peserta yang mempunyai masalah dalam mendapatkan ilmu baru dengan memberi panduan-panduan kepada peserta. Sokongan dan bantuan tenaga pengajar mungkin merupakan salah satu sebab peserta berpuas hati dengan program pembelajaran sepanjang hayat ini.

Dapatan kajian yang ketiga menunjukkan bahawa keinginan peserta untuk menyertai semula program pembelajaran sepanjang hayat di Mini RTC di Negeri Kedah adalah tinggi. Minat yang ditunjukkan amat memberangsangkan sehinggalah ada yang sanggup menggantikan peserta yang tidak dapat hadir di saat akhir. Dapatan kajian ini selari dengan Wan Ahmad, et.al. (2011) di mana responden ada keinginan yang tinggi untuk mengikuti semula program PSH di Kolej Komuniti walaupun tidak begitu kerap.

#### 5. Kesimpulan

Kesimpulannya, hasil kajian ini menunjukkan bahawa peserta mempunyai persepsi yang positif terhadap program pembelajaran sepanjang hayat yang dilaksanakan di Mini RTC di Negeri Kedah dalam meningkatkan pengetahuan mereka. Di samping itu, kajian memperlihatkan bahawa wujud hubungan signifikan positif yang kuat

di antara persepsi peserta dengan kepuasan peserta terhadap pembelajaran sepanjang hayat dan keinginan mereka untuk menyertai semula program.

Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, penyelidik mendapati promosi PSH perlu agar peluang pendidikan ini dapat diketahui dan digunakan sepenuhnya oleh masyarakat sekeliling. Ini kerana, didapati peserta yang sama berulang kali menyertai kursus yang berlainan yang dijalankan di Mini RTC. Hanya segelintir peserta yang telah mengikuti berpeluang mengetahui kewujudan program-program atau kursus-kursus yang lain. Selain itu, infrastruktur dan fasiliti perlu dikekalkan atau ditingkatkan. Kemudahan yang disediakan adalah sesuai dengan program PSH. Namun begitu, ada di antara beberapa Mini RTC yang perlu dibuat penambahbaikan untuk keselesaan peserta dan kesesuaian suasana pembelajaran.

Untuk cadangan kajian lanjutan, penyelidik boleh membuat kajian berbentuk kualitatif “Persepsi Peserta Terhadap Program Pembelajaran Sepanjang Hayat di Mini RTC di Negeri Kedah: Kajian Kes Kualitatif”. Kajian ini dapat membantu menjana hipotesis untuk penyelidikan seterusnya dengan lebih fokus lagi. Penyelidik akan datang boleh juga membuat kajian berkaitan persepsi peserta terhadap PSH di Mini RTC ke arah melahirkan usahawan wanita. Ini kerana daripada dapatan kajian didapati ramai peserta terdiri daripada peserta wanita.

## **Rujukan**

- Abdul Ghafar, M.N., (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- European Commission, (2001). *Innovation in a knowledge-driven economy*. Luxembourg: European Commission.
- Graham, C., Cagiltay, K., Lim, B. R., Craner, J., & Duffy, T.M. (2001). Seven principles of effective teaching: A practical lens for evaluating online courses.
- Konting, M.M., (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Organisation for Economic Co-Operation and Development (OECD), (2010). *Lifelong Learning for All*. OECD: Paris.
- Tuckman, B.W., (1978). *Conducting Educational Research*. 2<sup>nd</sup> Ed. San Diego: Harcourt Bruce Jovanovich College Publishing Company.
- Wan Ahmad, W.R., Mohd Hashim, M.H. & Abdul Razzaq, A.R., (2011). *Pelaksanaan Program Pendidikan Sepanjang Hayat Di Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. Universiti Tun Hussein Onn. Laporan Projek Sarjana.